

**MBSB BANK UMUM PEMENANG HADIAH UTAMA
KEMPEN ‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’
DAN PRA-PELANCARAN ‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’ 2.0**

PETALING JAYA, 4 OGOS 2022 – MBSB Bank Berhad (“MBSB Bank”) hari ini mengumumkan pemenang bagi hadiah utama kempen **‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’**.

Majlis penyampaian hadiah itu telah dirasmikan oleh Datuk Nor Azam M. Taib, Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank di ibu pejabatnya, Menara MBSB Bank di PJ Sentral. Ia juga disiarkan secara langsung melalui laman Facebook MBSB Bank yang membolehkan para pelanggan MBSB Bank mengikuti majlis tersebut secara maya.

Kempen **‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’** menawarkan hadiah bernilai RM2.4 juta termasuk kereta mewah, motosikal, telefon pintar dan wang tunai. Kempen ini menerima penyertaan secara automatik di kalangan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan PrimeWin (CASA-i) Bank MBSB dengan deposit minimum RM100. Kempen yang bermula pada 21 Jun 2021 dan berakhir pada 31 Mei 2022 itu menyediakan lapan Kategori Cabutan iaitu Bulanan, Suku Tahunan, Digital, Penyimpan Baharu, Kesetiaan, Serantau, Khas serta Hadiah Utama.

Pemenang utama bagi kempen **‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’** ialah **Huang Wee Wan**, 63 tahun dari Negeri Sembilan yang memenangi BMW X4 30i M Sport manakala **Maznah Harun**, 81 tahun dari Terengganu membawa pulang SKUTER BMW C400X dan **Tan Kim Tun**, 68 tahun dari Selangor, mewakili syarikat *Tunas Services Enterprise* yang memenangi RM100,000 tunai bagi kategori Bukan-Individu. Senarai penuh pemenang boleh didapati di laman web MBSB Bank, www.mbsbbank.com.

Mengulas tentang kejayaan kempen, Datuk Nor Azam berkata, “Kami berterima kasih kepada para pelanggan kami di atas sambutan menggalakkan yang diterima untuk kempen **‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’**. Ini membuatkan kami terus bersemangat dalam menambah baik produk dan perkhidmatan kami. MBSB Bank juga akan terus mempromosikan amalan pengurusan kewangan berhemah untuk menambah baik kesejahteraan kewangan para pelanggan kami.”

Datuk Nor Azam menyimpulkan, “Berikutan kejayaan kempen pertama, kami berbesar hati untuk mengumumkan pra-pelancaran siri kedua kempen yang dinamakan sebagai ‘**SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’ 2.0**. Pelanggan-pelanggan kami adalah nadi kepada semua yang kami lakukan dan kempen ini membolehkan kami memberi ganjaran kepada para pelanggan setia sedia ada dan pada masa yang sama, untuk menarik pelanggan baharu”.

‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’ 2.0 akan bermula pada 1 September 2022 sehingga 31 Mei 2023. Penyertaan terbuka kepada pelanggan individu dengan akaun Semasa atau Simpanan MBSB Bank dengan deposit minimum RM100. Kempen itu menawarkan hadiah menarik bernilai RM2.4 juta seperti pakej pelancongan ke Eropah atau pakej Umrah, kereta mewah seperti Mercedes Benz A200, Mercedes Benz C200, Mercedes Benz GLC 300 AMG, ketulan emas, iPhone, konsol permainan, wang tunai dan pelbagai lagi.

Kepada pelanggan baharu yang berminat untuk menyertai **‘SIMPAN BERGANDA MENANG BERGAYA’ 2.0**, mereka boleh membuka Akaun Semasa atau Simpanan PrimeWin (CASA-i) MBSB Bank melalui permohonan secara dalam talian M Fast atau boleh juga mengunjungi mana-mana daripada 47 cawangan Bank MBSB yang terletak di seluruh negara.

-Tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Nik Surina Suria Nik Abdullah
Jabatan Pemasaran & Komunikasi Strategik
Bahagian Perkhidmatan Korporat
MBSB Bank Berhad
E: niksurina@mbsbbank.com
M: 013 367 6488

Najihah Abdullah Sani
Jabatan Pemasaran & Komunikasi Strategik
Bahagian Perkhidmatan Korporat
MBSB Bank Berhad
E: najihah@mbsbbank.com
M: 016 268 7264

MBSB Bank Berhad

Tingkat 25, Menara MBSB Bank, Lot 12, PJ Sentral, Persiaran Barat, Seksyen 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Laman Web: www.mbsbbank.com

Mengenai MBSB Bank Berhad

MBSB Bank Berhad, sebuah bank yang menjalankan Perbankan Islam sepenuhnya, diperbadankan pada 28 November 2005 dan merupakan anak syarikat milik penuh Malaysia Building Society Berhad.

Pada 6 November 2017, MBSB telah menandatangani Perjanjian Saham & Pembelian dengan pemegang saham Asian Finance Bank Berhad ("AFB / Vendor") untuk cadangan pengambilalihan oleh MBSB bagi keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AFB untuk pertimbangan pembelian agregat sebanyak RM644,952,807.66 dengan cara tunai berjumlah RM396,894,036.26 dan pengeluaran 225,507,974 Saham Pertimbangan pada harga terbitan RM1.10 setiap Saham Pertimbangan ("Perolehan").

Perolehan ini telah diluluskan oleh pemegang saham MBSB pada 23 Januari 2018. Para pemegang saham juga meluluskan pemindahan Aset dan Liabiliti yang Patuh Syariah MBSB kepada AFB melalui Skim Pengaturan Ahli.

Selaras dengan kelulusan yang disebutkan dan setelah selesai pemindahan saham dan pembayaran baki pertimbangan pembelian kepada Vendor, AFB menjadi milik penuh Malaysia Building Society Berhad pada 7 Februari 2018. AFB telah membuat penjenaman semula dan pada 2 April 2018, ia menukar namanya kepada MBSB Bank Berhad.